



Aspek Warisan Dalam Pelan Strategik MPK

Shah Alam, 15 April 2022 – Teras 2 dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026 memastikan setiap perancangan pembangunan di Klang adalah mampan dan berdaya saing dengan mengekalkan ciri-ciri warisannya.

Pelaksanaannya akan menerapkan elemen dan karakter bandar warisan yang jelas dan tepat menerusi pengekalan identiti Diraja, penyediaan Garis Panduan Bandar Warisan MPK serta penyediaan Pelan Induk Bandar Warisan, selaras dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*).

Ini termasuklah pengenalan konsep pewujudan tempat (*placemaking*) dan teknologi 5G dalam projek naik taraf Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang di beberapa lokasi bandar Klang dan Pelabuhan Klang.

Di samping itu elemen Bandar Sihat serta Bandar Selamat akan diterapkan setiap perancangan pembangunan manakala aktiviti laut serta pantai juga akan dipantau.



Pelantikan Pegawai Daerah Klang

Klang, 11 April 2022 – Majlis Perbandaran Klang mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Tuan Shahman bin Jalaludin yang dilantik sebagai Pegawai Daerah Klang menggantikan Tuan Mohd Faizal bin Abdul Raji yang berpindah ke Jabatan Agama Islam Selangor.



Kandungan

Rencana Khas

Hari Warisan Dunia atau Hari Monumen dan Tapak Antarabangsa ICOMOS 3

Rencana

Projek Melengkapkan Keberkesanan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Menerusi Konsep Pewujudan Tempat 4

Perbincangan Pembangunan Wilayah 5G di Laluan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang 5

Program Jom Baca Bersama dan World Quran Hour 5

Foto Aktiviti

Sekitar Bengkel Semakan Pelan Strategik MPK 2022 - 2026 6

Laman Jawi

Surat Resident Selangor kepada Inche Judah 7

Kenali Warisan

Petikan Akta Warisan Kebangsaan - Akta 645 8

Sidang Redaksi

Penaung

YBr. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik / Kurator

Faisal bin Dato' Haji Surani

Susun Letak Asal

Mazlan bin Yahya

Grafik dan Kreatif

Mohd Shahril bin Sanip

Pembantu Tadbir / Fotografi

Nurul Huda Aliya binti Arifin

Pelatih Grafik dan Multimedia / Rakaman Video

Siti Nuradilla binti Abu Bakar



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pada Bengkel Semakan Pelan Strategik MPK 2022-2026 aspek warisan dan bandar diraja diberi penekanan dalam setiap perancangan dan pengurusan MPK.

Perkara ini dapat dilihat pada Visi pelan berkenaan iaitu Klang Bandaraya Diraja dan Warisan Yang Mampan serta pada Misi pelan iaitu melaksanakan perkhidmatan berkualiti, berintegriti serta tadbir urus dan perancangan bandar yang holistik dengan mengutamakan elemen warisan dan sejarah.

Pelan strategik merupakan perancangan utama yang menentukan hala tuju MPK dalam melaksanakan tanggungjawab dengan lebih terancang dan sistematik.

Pada masa yang sama MPK turut melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Pintar MPK 2022-2030. Kedua-dua pelan ini juga menjadi panduan pembangunan warisan serta sejarah di Klang seperti projek naik taraf Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang dengan projek pembangunan wilayah 5G dan implementasi konsep pewujudan tempat di beberapa laluan jejak warisan.

Bagi kedua-dua tujuan tersebut, MPK telah bekerjasama dengan Institut Sultan Iskandar UTM bagi projek pewujudan tempat dan TM One bagi pembangunan Wilayah 5G.

Semoga pihak pengurusan dan warga kerja MPK dapat memberi komitmen dan bekerjasama agar sasaran Pelan Strategik MPK 2022-2026 dan Pelan Tindakan Bandar Pintar MPK 2022-2030 tercapai.

Salam Ramadan 1443 Hijrah.

Faisal bin Dato' Haji Surani

Kurator

Tinta Pena Kurator

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh


Pusat Sumber MPK,
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,
Lot 175 Jalan Tengku Kelana,
41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Kurator: +603 33758080
Pusat Sumber: +603 33758006
Faks: +603 33731978

Hari Warisan Dunia

Klang, 18 April 2022 – Setiap tahun pada tarikh ini Hari Warisan Dunia akan disambut. Ia bertujuan untuk memupuk dan menyebarkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memelihara sejarah dan kepelbagaian tapak serta monumen warisan dunia yang semakin terancam.

Sambutan hari istimewa ini menandakan pemahaman tentang kekayaan budaya serta tradisi kita yang patut dipelihara dan untuk menyampaikan mesej penting kepada generasi muda supaya melindungi dan mewarisi pusaka dan budaya kita.



Jata Warisan Dunia di Bursa, Turki

Pada tahun ini tema Hari Warisan Dunia adalah Warisan dan Iklim (*Heritage and Climate*). Perubahan iklim adalah antara ancaman terbesar yang dihadapi monumen serta tapak Warisan Dunia budaya dan semula jadi UNESCO. Satu daripada tiga tapak semula jadi dan satu daripada enam tapak warisan budaya kini diancam oleh kebakaran hutan, banjir, ribut dan proses penyahwarna atau pelunturan besar-besaran.

Sehubungan dengan itu pada hari yang juga dikenali sebagai Hari Monumen dan Tapak Antarabangsa oleh *International Council on Monuments and Sites (ICOMOS)*, UNESCO komited untuk memastikan semua tapak dan monumen Warisan Dunia dilibatkan di dalam setiap program strategi menangani perubahan iklim dan dilindungi daripada kesan-kesan perubahan iklim.

Di samping itu ia juga adalah sebagai pengiktirafan terhadap usaha pelbagai pihak seperti sejarawan, arkitek, jurutera, ahli geografi, jurutera awam, artis dan ahli arkeologi, yang menyumbang ke arah pemuliharaan warisan.

Monumen dan binaan purba adalah aset dunia dan warisan yang amat berharga bagi sesebuah negara. Sehingga hari ini, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan sejumlah 1,155 monumen di 167 negara sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO.



UNESCO turut berusaha membantu negara-negara untuk bersedia menghadapi serta dapat pulih kembali daripada bencana serta impak perubahan iklim dan mengumpul data tepat menerusi *Urban Heritage Climate Observatory*.

Projek Melengkapkan Keberkesanan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Menerusi Konsep Pewujudan Tempat (Placemaking)



Klang, 12 April 2022 – Cadangan pelaksanaan konsep pewujudan tempat di Klang telah membawa kepada perbincangan Kolaborasi MPK Bersama Institut Sultan Iskandar (ISI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Kuala Lumpur.


Perbincangan secara santai itu telah diadakan secara dalam talian. Pihak ISI diketuai oleh Pengarah Eksekutifnya, Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin; Dr. Wan Nurul Mardiah binti Wan Mohd Rani, Timbalan Pengarah II; Puan Noor Ismah binti Hashim, Eksekutif Penyelidikan Perniagaan dan Puan Nor Azura binti Talib, Eksekutif Pembangunan Perniagaan.

MPK diwakili oleh Puan Norfiza Mahfiz, Pengarah Komunikasi Korporat; Faisal Surani, Pegawai Kurator dan Encik Mohd Fadhil Mohammad @ Ariffin, Penolong Pegawai Tadbir.

Empat tempat di Klang dan Pelabuhan Klang telah dicadangkan oleh MPK untuk projek pewujudan tempat di mana kesemuanya terletak di dalam laluan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang yang sedang dilaksanakan. Justeru itu MPK amat berharap bantuan kepakaran pihak ISI dalam bidang Pembangunan Mampan.

ISI yang ditubuhkan pada tahun 1991 dengan pembiayaan awal oleh Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail Johor adalah sebuah syarikat penyelidikan dan pembangunan bebas, tidak berasaskan kepada keuntungan yang mengkhusus dalam perancangan dan pembangunan, berkhidmat kepada kerajaan, sektor swasta dan universiti di dalam dan luar negara.

Pelan Induk Kampus Utama Universiti Islam Uganda dan Taman Ekologi Tanjung Pelepas adalah di antara projek bertaraf antarabangsa yang sedang dilaksanakan oleh ISI. Sebelum kolaborasi dengan MPK, ISI telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam projek peremajaan semula Rumah Pangsa Bandar Bukit Puchong.



Perbincangan Pembangunan Wilayah 5G Di Laluan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang



Klang, 29 April 2022 – Seiring dengan rangka kerja Pelan Tindakan Bandar Pintar MPK 2022-2030 serta perancangan naik taraf bandar Klang menjadi Bandaraya Diraja, MPK akan menerapkan elemen Bandar Pintar (*Smart City*) di samping konsep pewujudan tempat di beberapa kawasan di Klang.

Bagi tujuan itu MPK telah mengadakan perbincangan bersama dengan TM One, sebuah anak syarikat Telekom Malaysia Berhad (TM) dalam usaha membangunkan infrastruktur teknologi 5G di Klang.

Majlis Perbandaran Klang telah diwakili oleh Puan Norfiza Mahfiz, Pengarah Komunikasi Korporat. Perbincangan dimulai dengan penerangan konsep pewujudan tempat di empat lokasi laluan Jejak Warisan dan diikuti oleh pelan tindakan Wilayah 5G MPK.

TM One, cabang penyelesaian perniagaan perusahaan dan sektor awam TM, amat komited dalam pembangunan dan pelaksanaan projek 5G di Bandar Diraja Klang dan telah memberi beberapa contoh bagaimana internet benda (*internet of things – IoT*) dapat diintegrasikan dalam projek jejak warisan dan pewujudan tempat di Klang. Sebelum Klang, pasukan TM One telah bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dalam projek pembangunan Bandar Pintar Ipoh, Perak.

Hadir sama adalah Puan Normah Zainul Abideen, Pengarah Kemasyarakatan; Puan Nor Hasyimah Tamziz, Pengarah Teknologi Maklumat; Faisal Surani, Pegawai Kurator; wakil-wakil dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Pengurusan Harta, Jabatan Bangunan serta Jabatan Taman dan Rekreasi MPK.

Program Jom Baca Bersama dan World Quran Hour

Aktiviti Jom Baca Bersama anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah diadakan pada hari Khamis, 21 April 2022 dan diikuti oleh program World Quran Hour Peringkat Majlis Perbandaran Klang pada hari Selasa, 26 April 2022.





Pembinaan Teras 2 oleh Kurator MPK, Faisal Surani

Sekitar Bengkel Semakan Pelan Strategik MPK



Ucapan aluan oleh Puan Norfiza Mahfiz, Pengarah Komunikasi Korporat MPK



Sesi pendaftaran bengkel



Laman Jawi / لامن جاوي

Transliterasi:

Surat Residen Selangor kepada Inche Judah - 1886

Tandatangan: J. P. Rodger


Cap: Tuan Resident Negeri Selangor 1874

Ya Nur al-Syamsu wa al-Qamaru

Bahawa inilah surat tulus dan ikhlas iaitu daripada kita Tuan J.P. Rodger yang menjadi Acting Her British Majesty's Resident Negeri Selangor apalah jua kiranya akan datang ke hadapan majlis sahabat kita yang mulia Inche Judah yang ada kepada masa sekarang ini di dalam Jugra dengan beberapa selamat dan sejahteranya.

Ehwal maka adalah kita hendak bermaklumkan kepada sahabat kita yang seperti surat yang tertulis oleh sahabat kita kepada 30 hari bulan Rejab tahun 1303 telah kita sudahlah dapat mafhum dan mengarti di dalam surat itu.


Sekarang kita ada tulis satu surat akan jawab kepada sahabat kita yang kita sudah mendapat kabar daripada Tuan Magistrate Jugra semuanya pengaduan yang ada tertulis di dalam surat sahabat kita itu.



Kemudian sudahlah kita mendapat keterangan daripada Yang Mulia Yang di-Pertuan Sultan Abdul Samad yang tiada ada keterangan bahasa yang Raja Musa sudah memberikan itu kebun kepada sahabat kita seperti puskal (pukal?). Tetapi kita ada dengar yang sahabat kita ada mendapat faedah daripada buah-buah yang ada keluar daripada pokok-pokok di dalam itu kebun. Lagi pula kita ada mendapat keterangan Yang Mulia Yang di-Pertuan Sultan Abdul Samad sudah memberi hukum kepada Raja Sulaiman akan membawakkan semuanya anak-anak Raja Musa kepada rumahnya supaya sahabat kita tiada boleh mendapat kerugian di atas anak-anak itu adanya.

Lain tiada, hanyalah tabik kita banyak-banyak kepada sahabat kita.

Tertulis di dalam Office Tuan Resident Kuala Lumpur 28 Mei 1886



Alamat surat ini

Mudah-mudahan barang disampaikan oleh Tuhan Seru Sekalian Alam apalah jua kiranya akan datang ke hadapan majlis paduka sahabat kita Inche Judah yang ada dengan selamat dan sejahteranya di Jugra akan adanya atau di rumah Raja Laut.

Sumber: Arkib Negara Malaysia dan Tuan Adly Izmal Karim
Transliterasi Jawi: Tuan Saufy Jauhary

Kenali Warisan



Petikan Akta Warisan Kebangsaan - Akta 645

Seksyen 24 Penetapan Tapak Warisan

Pesuruhjaya boleh menetapkan sesuatu atau mana-mana tapak yang penting atau mempunyai signifikan warisan mahupun sejarah negara sebagai tapak warisan. Tapak-tapak ini merangkumi tapak warisan semula jadi atau warisan kebudayaan.

Seksyen 30 Keizinan Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

Mana-mana tapak yang hendak diwartakan perlulah terlebih dahulu memohon dan mendapatkan keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri sebelum proses pewartaan dilaksanakan. Ia adalah sebagai menghormati, memaklumkan dan mengutamakan PBN bagi mewartakan tapak-tapak yang didapati signifikan di negeri-negeri tersebut.

Seksyen 67 (2) Pengisytiharan Warisan Kebangsaan

Pengisytiharan terhadap tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup sebagai Warisan Kebangsaan hanya boleh dilakukan oleh Menteri. Terdapat 9 jenis kriteria yang boleh dirujuk bagi mengkategorikan warisan. Sekiranya menepati satu atau lebih kriteria tersebut, butiran tersebut layak untuk diwartakan sebagai warisan. Namun keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri perlulah diperolehi terlebih dahulu sebelum apa-apa pengisytiharan dilakukan. Sementara untuk butiran selain pemilikinya Kerajaan Persekutuan hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya 30 hari sebelum diisytiharkan. Sebarang bantahan boleh dikemukakan secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyiaran. Walau bagaimanapun keputusan untuk membatalkan atau meneruskan pengisytiharan adalah termaktub kepada Menteri.

Sumber: Jabatan Warisan Negara

